

TINGKATAN I

PENDIDIKAN ISLAM

SEGALA PUJI BAGI ALLAH

USTAZAH SITI FAIRUZ

PBD Ayat Bacaan dan Ayat Hafazan

Buku Teks: m.s. 25

Baca, kemudian nomborkan ayat di bawah mengikut susunan yang betul. SP1.6.1 TP1

- | | | | |
|---|---|---|---------------------------------------|
| 1 | إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ فَسْتَعِينُ | 2 | مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ |
| 3 | بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ | 4 | الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ |
| 5 | أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ | 6 | الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ |
| 7 | صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ | | |

PELAJARAN 6: Segala Puji Bagi Allah SWT

PBD Maksud Ayat

Buku Teks: m.s. 25

Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan yang betul mengenai terjemahan surah al-Fatihah. **SP1.6.3 TP3**

Pemurah

Pembalasan

lurus

Tuhan

sembah

nikmat

Mengasihani

1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha _____
lagi Maha Mengasihani.

2

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Segala puji tertentu bagi Allah, _____
yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

3

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Maha Pemurah lagi Maha _____.

4

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ

Yang Menguasai pemerintahan hari _____
(hari akhirat).

5

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Hanya kepada Engkaulah (Ya Allah) kami
_____, dan hanya kepada Engkau Kami
memohon pertolongan.

6


اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

Tunjukilah kami jalan yang _____.

7

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan
_____ kepada mereka, bukan (jalan)
orang-orang yang Engkau murkai, dan bukan pula
(jalan) orang yang sesat.





Tarikh:

PELAJARAN 6: Segala Puji Bagi Allah SWT

PBD Kefahaman Ayat

Buku Teks: m.s. 28 – 29

Tanda (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. SP1.6.4 TP3

1 Pujian hanya kepada Allah SWT, Tuhan yang mencipta alam semesta.

☐

2 "Rabbul 'Alamin" bermaksud Allah Maha Pencipta, memiliki, memerintah, dan mentadbir alam ini.

☐

3 Kita dibenarkan memohon pertolongan selain daripada Allah SWT.

☐

4 Allah SWT yang memiliki dan memerintah pada hari akhirat.

☐

5 Hanya kepada Allah SWT kita memohon pertolongan dan perlindungan.

☐

6 Pada hari akhirat, semua manusia dan jin akan dibicarakan.

☐

7 Allah SWT Maha Pemurah (al-Rahman) dengan melimpahkan pemberian-Nya kepada semua makhluk.

☐


8 Islam merupakan agama yang benar dan diredai oleh Allah SWT.

☐

9 Tidak ada tempat pergantungan melainkan kepada Allah SWT.

☐

10 Islam adalah nikmat yang paling besar yang dikurniakan oleh Allah SWT.

☐

PELAJARAN 6: Segala Puji Bagi Allah SWT



Buku Teks: m.s. 28 – 29

PBD Kefahaman Ayat

Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada pernyataan di bawah. **SP1.6.4 TP3**

- 1 Surah al-Fatihah wajib dibaca oleh setiap Muslim dalam solat.
- 2 Memulakan sesuatu pekerjaan hendaklah dengan membaca Basmalah.
- 3 Kita hendaklah berdoa untuk memperoleh kejayaan di dunia sahaja.
- 4 Kita hendaklah bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT.
- 5 Golongan yang mendapat petunjuk ialah yang beriman dan mengikut ajaran Nabi Muhammad SAW.
- 6 Setiap Muslim hendaklah berdoa kepada Allah SWT agar istiqamah beramal dengan ajaran Islam.
- 7 Orang Islam boleh memohon sesuatu kepada selain Allah SWT.
- 8 Hanya Allah SWT yang berkuasa memperkenankan doa hamba-Nya.
- 9 Orang Mukmin yang melakukan amal soleh akan dapat melepasi titian sirat dengan mudah.
- 10 Orang Islam boleh beramal sebahagian sahaja daripada ajaran Islam.

